

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Wilayah / Pg. 35
Date	Tue, 7th June 2016	Lead Article	Yes
Headline	Peserta TUBE Catat Jualan RM3.54 Juta		

Peserta TUBE catat jualan RM3.54 juta

➔ Program sedia 360 peluang pekerjaan untuk belia

Oleh **Aslina Abu Bakar**
bhkt@bh.com.my

✦ **Kuala Terengganu**

Seramai 175 belia Terengganu yang menyertai program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) kumpulan pertama dan TUBE 2.0 berjaya mencatat nilai jualan sebanyak RM3.54 juta dari Januari 2015 hingga April tahun ini.

Pengarah SME Corporation Malaysia (SME Corp) negeri, Muhammad Ibrahim, (**gambar**) berkata

sehingga kini sebanyak 360 peluang pekerjaan dapat disediakan oleh peserta TUBE berkenaan.

Katanya, melihat kepada kesungguhan belia dalam bidang perniagaan yang semakin meningkat, pihaknya menyasarkan 500 usahawan belia berusia antara 18 hingga 30 tahun dapat dilahirkan dan bagi TUBE 3.0, sebanyak RM750,000 diperuntukkan untuk negeri ini.

Kesan positif

"Bagi TUBE 2.0, SMECorp menerima 726 permohonan dan kami yakin untuk TUBE 3.0 akan bertambah kepada 1,000 pemohon.



"Pengekalan format sama melalui tiga fasa ini dilihat akan memberi kesan positif dalam mencapai matlamat melahirkan usahawan berjaya di kalangan belia.

"Menerusi fasa pertama, sesi 'boot camp' dilaksanakan bertujuan meningkatkan ketahanan jati diri, memupuk daya tahan, disiplin dan kepimpinan yang amat penting kepada bakal usahawan.

"Seterusnya peserta didedahkan dengan pengenalan asas perniagaan, penyediaan pelan perniagaan dan perkongsian pengalaman dengan usahawan berjaya dalam fasa dua," katanya.